

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG – UNDANG KECIL TANDAS AWAM (MAJLIS PERBANDARAN TAIPING) 1990

PADA menjalankan kuasa – kuasa yang diberi di bawah seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Perbandaran Taiping membuat dan berikutan dengan seksyen 103 Akta itu Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang – undang kecil berikut:

1. Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Tandas Awam (Majlis Perbandaran Taiping) 1990** dan hendaklah terpakai kepada kawasan Majlis Perbandaran Taiping sahaja.
2. Dalam undang-undang kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

“Majlis ertinya Majlis Perbandaran Taiping;

“tandas awam” ertinya apa-apa bangunan, bilik atau ruang yang disekat-sekat yang mana orang-orang awam boleh pergi untuk membuang air besar, air kecil atau untuk mencuci dirinya;

“Yang Dipertua” ertinya orang yang pada masa itu menjalankan kewajipan jawatan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Taiping dengan sah di sisi undang-undang dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua.

3. Mana-mana orang yang berada dalam mana-mana tandas awam-
 - (a) membuang sampah, meludah, membuang air kecil atau air besar di atas lantai melainkan di dalam bekas yang sepatutnya dibekalkan bagi maksud masing-masing;
 - (b) membiarkan paip terbuka selepas menggunakannya sama ada bekalan air sedang mengalir atau sebaliknya;
 - (c) merosakkan atau memindahkan apa-apa barang dalam tandas;

- (d) mengotorkan, melukis, menyonteng atau mengecat apa-apa di atas dinding atau siling;
- (e) berperangai tidak senonoh atau tidak sopan; atau
- (f) meninggalkan mangkuk tandas dengan tidak memancurkan air selepas menggunakannya
adalah melakukan suatu kesalahan.

4. (1) Tiada seorang pun yang boleh membasuh apa-apa pakaian atau meninggalkan pakaian itu untuk dikeringkan dalam tandas awam.

(2) Tiada seorang pun yang boleh menyalakan api atau memasak makanan dalam tandas awam dan tiada seorang pun boleh makan atau tidur di dalamnya.

(3) Tiada seorang pun yang boleh mencuci makanan, perkakas, pinggan mangkuk atau apa-apa bekas dalam tandas awam.

(4) Tiada seorang pun yang boleh menggunakan mana-mana tandas awam sebagai tempat untuk menyimpan barang-barang.

(5) Tiada transaksi perniagaan boleh diuruskan dalam mana-mana tandas awam.

(6) Tiada sesiapa pun dibenarkan mandi di dalam mana-mana tandas awam melainkan kemudahan mandi disediakan di dalamnya.

5. Mana-mana orang yang melakukan apa-apa perbuatan yang melanggar dengan mana-mana peruntukan undang-undang kecil ini boleh diarahkan keluar dari tandas awam oleh Majlis atau mana-mana orang yang diberikan kuasa olehnya.

6. (1) Sekiranya mana-mana tandas awam dipajak, penerima pajak atau orang yang menjaga tandas awam itu hendaklah membersihkan dan menerangi tandas itu sehingga memuaskan hati Yang Dipertua.

(2) Penerima pajak atau orang yang menjaga mana-mana tandas awam hendaklah menyebabkan supaya salinan undang-undang kecil ini yang ditulis dengan nyata dalam bahasa kebangsaan supaya dipamerkan secara berterusan di tempat yang ketara dalam tandas awam itu.

7. (1) Maka hendaklah diperuntukkan tandas awam yang berasingan untuk jantina yang berlainan yang hendaklah ditandakan dengan tanda-tanda yang sesuai.

(2) Tiada seseorang pun boleh memasuki atau menggunakan tandas bagi jantina yang berlainan.

8. (1) Jika difikirkan ia perlu, Majlis boleh mengenakan caj bagi penggunaan mana-mana tandas awam menerusi pemberitahuan dalam *Warta*.

(2) Mana-mana orang yang gagal membayar caj yang ditetapkan adalah melakukan kesalahan.

9. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan undang-undang kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi seribu ringgit.

10. (1) Mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa atau mana-mana pegawai polis boleh menangkap tanpa waran seseorang yang melakukan dihadapannya atau yang ia percaya dengan munasabah telah melakukan sesuatu kesalahan di bawah undang-undang kecil ini-

(a) Jika nama atau alamat orang itu tidak diketahui olehnya dan orang itu enggan memberi nama dan alamatnya; atau

(b) Jika ada sebab bagi meragukan yang nama atau alamat itu adalah tepat.

(2) Seseorang yang ditangkap di bawah perenggan (1) hendaklah ditahan dan hendaklah dibawa ke hadapan Majistret dalam tempoh dua puluh empat jam melainkan jika nama dan alamatnya dapat ditentukan terlebih dahulu daripada itu.

Diperbuat pada 22hb Februari 1990.

[MP Tpg. A1/10/2/29, P.U. Pk. 23/75 Bhg.III]

DATO' ISMAIL BIN SHAH BODIN,

Yang Dipertua,

Majlis Perbandaran Taiping,

Perak

Disahkan pada 12hb September 1990.

[PSUK Pk. (KT-AM) 21145/11.]

MUHAMMAD FADZIL BIN KHALID,

Setiausaha,

Majlis Mesyuarat Kerajaan,

Perak